

Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Nampaknya isu pengedaran pelbagai jenis najis dadah masih terus membelenggu masyarakat kita. Walaupun hampir setiap hari ada saja rampasan dan tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa, namun penderang juga semakin rancak menggunakan pelbagai taktik baru bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Jadi usaha untuk memerangi najis dadah daripada terus menghancurkan rakyat kita perlu terus diperhebatkan supaya dapat diperangi habis-habisan.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan penangkapan seorang rakyat tempatan berusia 58 tahun di Klang, Selangor yang lebih dikenali sebagai 'Dr Ganja' yang aktif memasarkan makanan berasaskan ganja di Facebook. Dr Ganja didapati aktif melakukan promosi di laman sosial itu sejak lima bulan lalu dengan mendakwa mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit dengan hanya memakan produknya. Produk yang dijual dihasilkan sendiri, antaranya kek, minyak, madu, majerin, coklat dan susu, dan dijual kepada umum pada harga serendah RM5 hingga RM150 mengikut jenis produk di samping turut menawarkan perkhidmatan menghisap ganja di rumahnya.

Apa yang jelas pihak berkuasa dilihat berhadapan dengan cabaran yang cukup kompleks dan luar biasa untuk menangani masalah ini apabila penderang melakukan 'inovasi' dengan menggunakan segala kemahiran dan kreativiti yang ada untuk menghasilkan pelbagai produk berasaskan bahan terlarang ini di mana penjualan pelbagai jenis dadah yang dijadikan produk makanan tertentu dilihat mampu mengelirukan semua pihak. Tidak cukup dengan itu, strategi pemasaran dan kaedah pengedaran atau penjualan juga dilihat semakin canggih dan menggunakan teknologi terkini. Misalnya media sosial seperti Facebook dan Wechat digunakan secara meluas untuk membuat

promosi dan menjalankan urusan jual beli di atas talian.

Persekitaran seperti ini semakin menyukarkan kerja pihak berkuasa untuk memerangi dadah. Mana mungkin kita dapat memantau dan mengenalpasti segala urusniaga dan operasi yang dilakukan dalam media sosial. Namun, kita tetap perlu melakukan sesuatu secara serius supaya dapat membanteras pengedaran dadah di negara kita sekali gus memerangi dadah habis-habisan. Dalam konteks ini semua pihak perlu memainkan peranan supaya kita dapat sama-sama berganding bahu memerangi dadah habis-habisan. Ini kerana tugas membanteras najis dadah tidak boleh disandarkan pada pihak berkuasa semata-mata.

Hakikatnya agak mustahil untuk pihak berkuasa menjalankan pemantauan dan membuat operasi penguatkuasaan di seluruh negara dalam keadaan kekangan bilangan anggota penguat kuasa dan ditambah pula dengan strategi licik penderang yang sentiasa cuba mengaburi mata pihak berkuasa dengan menukar strategi pengedaran dan penjualan. Justeru dalam konteks ini masyarakat perlu turut sama membantu mengurangkan beban pihak berkuasa.

Di samping kita berharap pihak berkuasa akan terus melipatgandakan usaha untuk membanteras pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta inisiatif secara berterusan dalam aspek melaksanakan pelbagai program kesedaran, kita sangat berharap masyarakat di pelbagai peringkat dapat turut melibatkan diri dalam usaha membantu memerangi dadah secara habis-habisan di negara kita. Penulis berpandangan masyarakat boleh memainkan peranan yang besar dalam hal ini. Misalnya kita mohon setiap organisasi baik kerajaan mahupun swasta melaksanakan program memerangi dadah secara serius, berkala dan konsisten di organisasi masing-masing bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan anggota organisasi tentang bahaya najis dadah. Ia sama seperti apa yang biasa dilakukan di sekolah setiap tahun apabila pihak sekolah mengadakan program antidadah secara konsisten bagi menyedarkan anak-anak kita.



## PERANGI DADAH HABIS-HABISAN



Perkara sama wajar dilaksanakan di peringkat yang lebih tinggi. Misalnya di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) juga wajar dilaksanakan program seperti ini supaya ada kesinambungan usaha

memwujudkan kesedaran dari sekolah ke IPT. Ini penting kerana penglibatan pelajar IPT dalam najis dadah turut merisaukan kita. Sebagai contoh Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini mengadakan program Bulan

Kesejahteraan Diri sepanjang Mei dengan tema UPM Perangi Dadah Habis-Habisan. Pelbagai program diadakan sepanjang sebulan ini antaranya, pertandingan sudut antidadah antara jabatan dan kolej

kediaman pelajar, forum dan ceramah antidadah, pertandingan pidato, esei dan sajak antidadah serta solat hajat. Penglibatan pelajar dan juga staf UPM dilihat cukup menggalakkan dan mula mewujudkan tahap kesedaran yang tinggi tentang najis dadah. Program ini akan dilaksanakan secara berterusan sebagai acara tahunan. Jadi kita harap pihak IPT lain juga akan terus melaksanakan program seperti ini secara berkala dan konsisten.

Sebagai langkah berikutnya kita harap pula pihak majikan akan mengadakan program kesedaran seperti ini untuk anggota organisasi masing-masing sebagai langkah kesedaran dan pencegahan berterusan. Melalui cara ini penulis percaya kita dapat mewujudkan tahap kesedaran yang cukup tinggi dalam kalangan rakyat kita sejak dibangku sekolah hingga ke alam pekerjaan secara berterusan.

Ini perlu ditambah pula dengan usaha dan inisiatif berterusan dari pihak

keluarga terutama ibu bapa. Ibu bapa perlu memainkan peranan aktif dengan sentiasa mengingatkan anak-anak dan anggota keluarga yang lain tentang bahaya dan kesan najis dadah. Segala-galanya bermula dari rumah, tiada gunanya kita melaksanakan pelbagai program kesedaran di luar, tetapi di rumah sendiri ada masalah sehingga bukan saja anak-anak, malah ibu bapa sendiri turut terjebak dalam pelbagai masalah sosial termasuk najis dadah. Ini bukan saja akan merosakkan masa depan anak-anak, tetapi turut akan menghancurkan masa depan negara dan juga keseluruhan institusi kekeluargaan di negara kita.

Kita percaya dengan usaha untuk mewujudkan kesedaran di pelbagai peringkat ini akhirnya rakyat kita akan menjauhi dadah secara total dan seterusnya ini akan melumpuhkan aktiviti penjualan dan pengedaran di negara kita. Justeru kita harap semua pihak akan memainkan secara aktif di peringkat masing-masing ikut kemampuan sendiri bagi memastikan najis dadah ini dapat diperangi habis-habisan. Jangan kita biarkan dadah merosakkan generasi masa hadapan negara ini. Dadah musuh nombor satu negara. Jom perangi dadah habis-habisan.